



1. JAWATAN	: PEGAWAI SAINTIFIK KANAN (KIMIA HAYAT)
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL KEMENTERIAN KESIHATAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: M.14-15 (\$3,260 - \$4,220 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Makmal Klinikal atau bidang bersesuaian.
2. Sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pegawai Saintifik atau jawatan sebanding dalam tanggagaji M.13 tidak kurang dari 5 tahun.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI SAINTIFIK KANAN (KIMIA HAYAT):

1. Mengetuai satu bahagian makmal dan bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus kakitangan di bawah jagaan.
2. Menyediakan rancangan belanjawan tahunan bagi peralatan, *consumables* dan kakitangan di bawah jagaan.
3. Memastikan barang-barang keperluan makmal di bawah jagaan mencukupi bagi ujian makmal harian.
4. Memantau kesempurnaan dan mutu ujian makmal serta memperkenalkan, menilai dan memperbaiki ujian makmal di bawah jagaan.
5. Memastikan kaedah ujian yang digunakan mengikut Piawaian Antarabangsa, semasa serta diikuti oleh kakitangan bawahan.



6. Mempertingkatkan dan memperbaiki perkhidmatan makmal dengan teknologi yang terkini dan bersesuaian dari semasa ke semasa.
7. Menyediakan program latihan dan kursus ulangkaji bagi kakitangan bawahan.
8. Menyediakan program latihan penempatan bagi pegawai-pegawai serta penuntut-penuntut.
9. Bersedia menjalankan apa jua tugas-tugas wajar yang diarahkan oleh Pegarah Perkhidmatan Makmal dan pegawai atasan.